



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Pencen Pihak – Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan
(Pindaan) 1986**

DR.13/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1986 dan hendaklah tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Seksyen 3, 8 dan 10 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1976.

(3) Seksyen 6 hendaklah disifatkan sebagai mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

(4) Seksyen 5 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 31hb Mei 1985.

2. Seksyen 7 hendaklah terpakai kepada pekerja-pekerja yang dilantik ke dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan selepas tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta* dan kepada orang-orang tanggungan pekerja-pekerja tersebut.

Pemakaian seksyen 7.

Pindaan
seksyen 8.
Akta 239.

3. Seksyen 8 Akta Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

"(6) Menteri Kewangan boleh mengecualikan bunga yang kena dibayar di bawah subseksyen (4) oleh majikan tersebut jika dia berpuas hati bahawa kelewatan itu bukanlah disebabkan oleh suatu perbuatan sengaja atau adalah disebabkan oleh suatu perbuatan yang di luar pengawalan majikan tersebut."

Pindaan
seksyen 10.

4. Subseksyen (5) seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (c); dan

(b) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan baru (d) dan (e) yang berikut:

"(d) atas alasan bahawa pekerjaan pekerja itu telah ditamatkan demi kepentingan awam; atau

(e) atas alasan bahawa pekerja itu dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) telah memperolehi kewarganegaraan atau telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau atas alasan bahawa pekerja itu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya."

Pindaan
seksyen 13.

5. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "mati dalam perkhidmatan" dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan "jika pada masa kematiannya dia berada dalam perkhidmatan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa tersebut, atau, jika ketika itu dia tidak berada dalam perkhidmatan tersebut, dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu

tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “pada atau selepas 17hb Mac 1986 mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur lima puluh lima tahun jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu, dalam hal sedemikian”;
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “dengan pertubuhan itu” dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan “atau mana-mana subsidiarinya”;
- (d) dengan memasukkan perkataan “itu” sebelum perkataan-perkataan “kepada pekerja itu” dalam subseksyen (2);
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Seseorang pekerja berpencen” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “Bagi seseorang pekerja berpencen yang subseksyen (2) tidak terpakai baginya, dia”;
- (f) dengan menggantikan perkataan “dan” dalam subseksyen (3) dengan perkataan “jika”;
- (g) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “selama tempoh” dalam subseksyen (3) perkataan “berterusan”; dan
- (h) dengan menggantikan perkataan-perkataan “peruntukan subseksyen (3)” dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3)”.

Pindaan
seksyen 16.

6. Proviso kepada seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (i) dan (ii) dengan perenggan-perenggan baru (i), (ii), (iii) dan (iv) yang berikut:

- “(i) dalam hal seseorang balu atau duda, telah berkahwin dengan pekerja yang mati itu semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan;
 - (ii) dalam hal seseorang anak atau anak tiri tanggungan, adalah seorang anak atau anak tiri tanggungan daripada perkahwinan yang telah berlaku semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan;
 - (iii) dalam hal seseorang anak angkat adalah seorang anak yang diangkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan; atau
 - (iv) dalam hal seseorang anak tak sahtaraf, adalah seorang anak yang dikandungkan semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan,
- dan adalah bermastautin di Malaysia.”.

Seksyen
baru 23A.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 23, seksyen baru 23A yang berikut:

“Pencen,
dll. akan
terhenti
apabila
memper-
olehi
kewarga-
negara
negara
lain.

23A. (1) Jika seseorang yang telah diberi pencen atau lain-lain faedah di bawah Akta ini telah dengan sukarejanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya, pencen atau lain-lain faedah tersebut hendaklah terhenti dengan serta-merta.

(2) Jika pencen atau lain-lain faedah terhenti di bawah subseksyen (1) tiada pencen atau lain-lain faedah boleh diberi kepada orang-orang tanggungan.”.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dengan seksyen baru 27 yang berikut : Pindaan seksyen 27.

“Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

27. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang yang kepadanya apa-apa pembayaran boleh dibuat di bawah Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya mati sebelum pembayaran itu dibuat, amau yang masih belum dibayar itu boleh dibayar kepada orang-orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

(2) Jika apa-apa pembayaran dibuat dengan suci hati di bawah seksyen ini dan menurut peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, pembayaran sedemikian hendaklah menjadi pelepasan yang sepenuh dan sepatutnya akan semua liabiliti dan tiada tindakan, guaman atau prosiding bagi pembayaran tersebut atau yang mempersoalkan tentang pembayaran tersebut boleh dibawa atau diadakan terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai atau pengkhidmatnya.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “orang tanggungan” ertinya—

- (i) balu kepada simati;
- (ii) duda kepada simati;
- (iii) anak kepada simati; atau
- (iv) ibu kepada pekerja yang mati, atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya;

(b) “belum dibayar” ertinya belum dibayar oleh Kerajaan atau belum dikeluarkan oleh orang yang berkenaan.”.

Seksyen
baru 30.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan menambahkan, selepas seksyen 29, seksyen baru 30 yang berikut:

“Pembayaran hadiah untuk maklumat.

30. (1) Pihak berkuasa pencen boleh memerintahkan pembayaran hadiah sebagaimana ia fikirkan patut kepada mana-mana anggota masyarakat untuk maklumat yang diberikan yang membawa kepada sabitan bagi—

(a) kes-kes penipuan untuk menikmati pencen dan lain-lain faedah yang diberikan di bawah Akta ini; atau

(b) kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa hadiah yang dibayar di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.”

Seksyen
baru 31.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan menambahkan, selepas seksyen 30, seksyen baru 31 yang berikut:

“Peng-
gulungan
skim
pencen.

31. (1) Kumpulan Wang sesuatu skim pencen pihak berkuasa berkanun atau tempatan di bawah Skim Baru hendaklah digulung pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui pemberitahuan dalam *Warta* dalam setiap kes tertentu, dan apabila tergulungnya kumpulan wang tersebut segala aset hendaklah dipindahkan dan liabiliti-liabiliti dipertanggungkan, kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apabila tergulungnya kumpulan wang skim pencen pihak berkuasa berkanun atau tempatan, pihak berkuasa pencen hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan pihak berkuasa yang berkenaan bagi skim tersebut.

(3) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai mengurangkan amaun pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang seseorang pekerja itu sepatutnya layak menerima jika tidak kerana seksyen ini.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

2. *Fasal 1* adalah mengenai tajuk ringkas dan memperuntukkan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta yang dicadangkan itu.

3. *Fasal 2* memperuntukkan bahawa perubahan-perubahan yang hendak dibuat di bawah *fasal 7* hendaklah terpakai hanya kepada pekerja-pekerja yang dilantik ke dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan selepas tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta*.

4. *Fasal 3* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan mengecualikan bayaran bunga oleh majikan kerana bayaran lewat bagi caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan jika kelewatan itu bukan disebabkan oleh perbuatan sengaja atau disebabkan oleh perbuatan di luar pengawalan majikan itu.

5. *Fasal 4* bertujuan menjelaskan lagi pemakaian perenggan (d) subseksyen 5 seksyen 10 Akta ibu dan menambah satu alasan baru kepada seksyen yang sedia ada untuk menghendaki seseorang pekerja itu supaya bersara.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 13 Akta ibu. Perenggan (a) bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen tersebut dengan memperuntukkan bahawa seseorang pekerja berpencen yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan, adalah disifatkan telah mati dalam perkhidmatan bagi maksud seksyen 15 Akta ibu jika dia mati semasa dia dalam perkhidmatan pertubuhan tersebut atau mana-mana subsidiarinya atau dia mati selepas dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan. Perenggan (b) bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 13 dengan memperuntukkan bahawa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah boleh diberi kepada seseorang pekerja berpencen yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan pada atau selepas 17hb Mac 1986 mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru jika dia telah berkhidmat di dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan. Perenggan (c) bertujuan meminda subseksyen (2) untuk menjelaskan bahawa apa-apa perkhidmatan dengan subsidiari-subsidiari pertubuhan boleh dimasukkan kira bagi maksud pemberian pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada pekerja. Perenggan (e) bertujuan membuat seksyen 13 lebih jelas dari segi penggunaannya dengan memperuntukkan bahawa subseksyen (3) hanya terpakai bagi hal-hal yang tidak termasuk di bawah subseksyen (2). Perenggan (g) bertujuan meminda subseksyen (3) bagi memperuntukkan bahawa

seseorang pekerja berpencen hendaklah berkhidmat berterusan bagi tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan sebelum dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah. Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada fasal tersebut yang tidak disebut dengan nyatanya adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau yang kecil sahaja.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 16 kepada Akta ibu bagi memperuntukkan hal-keadaan di bawah mana seseorang balu, duda atau anak layak untuk terus dibayar pencen terbitan mereka di bawah Akta ini.

8. *Fasal 7* bertujuan memperkenalkan seksyen baru 23A untuk memperuntukkan bagi pemberhentian pencen dan lain-lain faedah yang diberi kepada seseorang yang telah sama ada, dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat suatu pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau yang telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya.

9. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 27 Akta ibu. Seksyen 27 (1) yang dicadangkan itu memperbuat semula seksyen 27 yang sedia ada yang memberi kuasa untuk membuat pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir, kecuali bahawa sekarang ini ianya berhubungan dengan apa jua pembayaran yang boleh dibuat kepada mana-mana orang. Seksyen 27 (2) yang dicadangkan itu memperuntukkan perlindungan kepada Kerajaan atau pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya daripada kena dakwa oleh mana-mana orang kerana membuat pembayaran tersebut jika pembayaran tersebut dibuat dengan suci hati. Bagi maksud seksyen ini takrif bagi terma "orang tanggungan" adalah diberi.

10. *Fasal 9* bertujuan memperkenalkan seksyen 26A yang baru bagi maksud memberi kuasa kepada pihak berkuasa pencen untuk membuat pembayaran hadiah untuk maklumat yang diberi.

11. *Fasal 10* bertujuan memperkenalkan seksyen 30 yang baru untuk memperuntukkan bagi penggulangan skim pencen pihak berkuasa berkanun atau tempatan di bawah Skim Baru dan pemindahan semua aset dan liabiliti kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang mana amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1339.]